



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai Kumpulan Pengurusan kami yang berdedikasi.

TARIKH IKLAN : 18 Ogos 2009

JAWATAN

**A1 - Penolong Pegawai Eksekutif (Perundangan) Gred 9
(18 Kekosongan)**

**A2 - Pembantu Tadbir (Kejuruteraan) Gred 11
(14 Kekosongan)**

KELAYAKAN

A1

Memiliki Diploma dalam bidang Undang-undang, Pentadbiran Awam atau lain-lain kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

A2

Pemohon mestilah memiliki Sijil dalam bidang Seni bina, Ukur Bahan, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Awam, yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ;

DAN

Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta kepujian dalam mata pelajaran Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut ;

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

* Semua pemohon mestilah Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup permohonan.

Bagi pegawai **Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia** (LHDNM) yang sedang berkhidmat dan ingin memohon untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan yang berkaitan disyaratkan telah **disahkan** dalam perkhidmatan dan :-

- mempunyai kelayakan akademik seperti di atas serta mempunyai markah prestasi bagi tempoh tiga tahun ke belakang sebanyak 85 markah dan ke atas ; **dan**
- berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan.

BIDANG TUGAS

A1

Mengendalikan kes Rayuan Cukai dan Semakan Kehakiman di Mahkamah dan di hadapan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

Menyediakan perjanjian-perjanjian dan draf Perintah Pengecualian di bawah undang-undang percukaian.

Menyediakan dokumen-dokumen yang akan difailkan di mahkamah.

Memberi dan menyediakan pendapat undang-undang secara lisan dan bertulis mengenai undang-undang.

A2

Mengurus dan melaksanakan kerja-kerja pengubahsuaian, pembaikan dan penyelenggaraan untuk ruang pejabat atau bangunan LHDNM yang berkaitan.

Memantau dan mengawal selia kerja-kerja pengubahsuaian, pembaikan dan penyelenggaraan untuk ruang pejabat atau bangunan LHDNM.

KRITERIA YANG DIPERLUKAN

- ✓ Berdaya saing, asertif, pemikiran kritis, dinamik serta matang.
- ✓ Bertanggungjawab, proaktif, daya inisiatif yang tinggi dan kemahiran interpersonal yang baik.
- ✓ Kebolehan bekerja secara berkumpulan, kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Berkemahiran dalam bahasa etnik seperti Mandarin, Tamil dan bahasa lain adalah satu kelebihan.
- ✓ Aktif dalam kegiatan luar terutama dalam bidang sukan, seni mempertahankan diri dan pasukan beruniform.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai Kumpulan Pengurusan kami yang berdedikasi.

GAJI

Skim Gaji Jawatan :

A1 RM1998.00 – RM4950.00
A2 RM1370.00 – RM3417.00

FAEDAH

LHDNM menawarkan faedah yang menarik kepada kakitangannya seperti kemudahan cuti rehat, rawatan perubatan dan pergigian, pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan, pinjaman komputer, peluang membina kerjaya, kursus-kursus untuk kemajuan diri dan kemudahan sukan dan rekreasi.

CARA MEMOHON

Permohonan dari calon-calon luar LHDNM (termasuk yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan) dan calon-calon pegawai LHDNM hendaklah dibuat melalui Laman Web JobsMalaysia (Kementerian Sumber Manusia) di <http://www.jobsmalaysia.gov.my>.

Semua permohonan tidak perlu dicetak/di pos ke LHDNM.

Nama calon-calon yang berjaya dipanggil menghadiri temu duga akan dipamerkan di Laman Web LHDNM dan akan dimaklumkan melalui surat. Pemohon juga digalakkan sentiasa menyemak melalui Laman Web LHDNM untuk mengetahui maklumat berkenaan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

01 September 2009

NOTA

- Pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dikehendaki mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan dan mengemukakan surat kelulusan tersebut pada sesi temu duga .
- Pemohon yang memiliki sijil akademik dari Institusi Pendidikan Swasta atau Luar Negara dikehendaki mendapatkan surat pengiktirafan sijil berkenaan dari Unit Pengiktirafan, Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) dan mengemukakan surat kelulusan tersebut pada sesi temu duga.

- Hanya calon-calon yang mempunyai kelayakan dan kriteria seperti di atas dan juga telah ditapis sahaja akan dipanggil untuk temu duga dan akan dipamerkan di laman web LHDNM.
- Permohonan calon-calon yang tidak memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan seperti di atas tidak akan diproses dan dipertimbangkan.
- Jika calon-calon tidak dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan, calon berkenaan adalah tidak berjaya.
- Sila e-mel kepada job@hasil.gov.my atau hubungi talian berikut jika mempunyai sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan iklan ini.

03 - 6209 1128
03 - 6209 1143
03 - 6209 1108